

Persepsi Pekerja Terhadap Implikasi Amalan Bersolat Terhadap Prestasi Kerja: Kajian Di Selangor

Abdul Munir Ismail

abdmunir@fsk.upsi.edu.my

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Muhammad AR

emha elrahman gso5324@yahoo.com

Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji persepsi pekerja terhadap aktiviti solat di tempat kerja dan implikasi terhadap prestasi kerja. Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Borang kaji selidik diedarkan kepada 2000 pekerja sektor perkilangan dan perkhidmatan di sembilan Daerah di Selangor. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Version 2.3*). Hasil kajian mendapati persepsi amalan pekerja bersolat menjadikan mereka berdisiplin, menghargai masa dan minima penyeliaan berjumlah 919 (46.0%). Persepsi amalan pekerja bersolat sebagai motivasi supaya bekerja keras berjumlah 1312 (65.6%). Persepsi amalan pekerja bersolat mencegah pekerja pecah amanah, menghindari perbuatan maksiat dan patuh peraturan semasa berjumlah 1470 (73.5%). Persepsi amalan pekerja bersolat mendidik pekerja mengutamakan produktiviti dan kesungguhan dalam pekerjaan berjumlah 901 (45.1%). Kajian merumuskan persepsi amalan pekerja bersolat berupaya memberi implikasi sentiasa mengamalkan sifat-sifat terpuji dan kesannya dapat meningkatkan produktiviti kerja.

Kata Kunci: persepsi, amalan bersolat, pekerja, prestasi kerja.

Employee Perceptions of the Implications of Prayer Practices on Work Performance: A Case Study in State of Selangor

ABSTRACT

This study aimed to examine workers' perceptions of prayer activity at work and their implications for work performance. To get the data, this study uses a quantitative approach. The survey forms were distributed to 2000 manufacturing and service sector employees in nine Districts at the state of Selangor. Data were analyzed using SPSS software (Version 2.3). The results showed that perceptions of the practice of prayer workers made them disciplined, appreciating the time and minimum supervision of 919 (46.0%). Perceptions of the practice of prayer workers were motivated to work hard at 1312 (65.6%). Perceptions of the practice of prayer workers prevented workers from breaking the trust, avoiding acts of disobedience, and obeying the current rules of 1470 (73.5%). Perceptions of employee engagement practices taught employees to prioritize productivity and job satisfaction of 901 (45.1%). The study concluded that perceptions of the practice of prayer workers can have the effect of constantly adopting praiseworthy traits and their impact on job productivity.

Keywords: *perception, prayer practices, factory workers, company performance.*

Received: 29 May 2020

Accepted: 7 June 2020

Online Published: 10 June 2020

PENDAHULUAN

Kewajipan melaksanakan solat lima waktu dan tuntutan bekerja bagi memenuhi keperluan hidup seorang Muslim adalah dua asas penting yang tidak dapat dipisahkan. Menurut al-Ghazali (1994) seorang Muslim mempunyai tanggungjawab yang besar dalam kehidupan seharian iaitu menjaga solat lima waktu dan tuntutan berusaha mencari nafkah bagi memenuhi keperluan diri dan ahli keluarganya. Jika solat diabaikan keberkatan rezeki yang diberikan oleh Allah dalam kehidupan seorang Muslim akan hilang. Keberkatan rezeki yang dimaksudkan dalam tulisan ini ialah pendapatan seseorang itu bertambah seperti memperoleh kenaikan gaji dan pangkat, mendapat bonus tahunan, hadiah wang ringgit, pembelian harta benda seperti rumah, kenderaan dan sebagainya. Adapun hilang keberkatan bermaksud rezeki yang diperolehi tidak bertambah. Harta benda yang diperolehi secara tidak sah adalah menyalahi etika kerja dalam Islam. Menurut Noraida Harun (2017) seorang itu didorong untuk melakukan pecah amanah, salah guna kuasa dan jawatan, mengambil rasuah, menipu, mengambil harta awam atau syarikat, pelanggaran disiplin, kurang komitmen terhadap tugas berpunca daripada tiada jatidiri dalaman yang kukuh. Hal ini mengakibatkan berlaku kepincangan dalam struktur ekologi kehidupan seseorang. Selain itu, faktor pengabaian solat jelas terdorong mereka melakukan perbuatan yang menyalahi syariat dan undang-undang negara. Menurut Yunus (2015, beliau mengatakan situasi-situasi yang berlaku di atas itu kebarangkalian tinggi berkaitan dengan kepincangan struktur ekologi hidup orang Islam kerana pengabaian solat lima waktu.

Penyelidik melihat kepentingan pekerja Muslim melakukan solat lima waktu dan tuntutan bekerja tidak dinafikan oleh semua orang. Ini kerana ajaran Islam sangat menitik beratkan pelaksanaan solat dalam apa jua keadaan solat perlu diberi keutamaan untuk dilaksanakan. Menurut Muhammad Mustakim (2014), orang Islam hendaklah berkeyakinan bahawa dengan mendirikan solat secara sempurna mereka akan memperoleh kunci kejayaan dan mendorong untuk berusaha mencapai kemajuan fizikal dan spiritual. Justeru, orang yang tekal (*istiqamah*) terhadap solat adalah termasuk dalam golongan orang yang menempah kejayaan di dunia dan akhirat. Di samping itu, Sri Jumini (2018) mengatakan solat yang dilakukan secara sempurna berupaya membentuk tingkahlaku positif, melahirkan pekerja yang taat kepada agama dan patuh kepada peraturan semasa. Hasilnya secara tidak langsung syarikat memperoleh produktiviti yang meningkat.

Ada sebahagian pihak pengurusan syarikat berpandangan negatif terhadap pekerja yang bersolat pada waktu bekerja. Menurut Zulaiha Ahmad Tajuddin & Abdul Munir Ismail (2019), mereka mendakwa pekerja bersolat mengganggu prestasi keuntungan syarikat, pekerja tidak berdisiplin kerana meninggalkan tugas dan pelbagai tanggapan negatif dilemparkan kepada pekerja yang melaksanakan solat. Ekoran dari itu, timbul persoalan terhadap kewajipan melaksanakan solat dalam kalangan pekerja serta kesannya terhadap prestasi keuntungan syarikat. Adalah menjadi amalan utama pelabur-pelabur dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan membuat keuntungan dalam tempoh masa tertentu. Mereka mempunyai sasaran untuk tempoh jangka panjang dan jangka pendek dalam usaha mendapatkan keuntungan maksimum bagi masing-masing syarikat. Untuk mencapai matlamat tersebut, pihak pengurusan syarikat merancang pelbagai strategi dan peraturan yang

sesuai dan relevan dengan masa kini. Antaranya berusaha meningkatkan produktiviti dan mengutamakan keuntungan. Sektor guna tenaga pekerja daripada pelbagai peringkat memainkan peranan penting bagi mencapai matlamat tersebut.

Namun, dilihat dari aspek hak kebajikan sosial pekerja, pihak pengurusan mungkin terlepas pandang memberi perhatian hak kebajikan sosial khususnya terhadap pekerja beragama Islam menunaikan solat pada waktu-waktu tertentu seperti yang dituntut dalam Islam. Al-Quran menjelaskan pada surah Al-Nisa' ayat 103 bermaksud:

Sesungguhnya sembahyang itu diwajibkan ke atas orang-orang yang beriman menurut waktu-waktu tertentu.

Jika dilihat dari hak kebebasan seseorang warganegara Malaysia mengamalkan agama masing-masing adalah jelas, bahawa pekerja beragama Islam boleh mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing tanpa diganggu gugat oleh mana-mana pihak. Perlembagaan Malaysia, Perkara Sebelas, (1) menyatakan tiap-tiap orang bebas menganuti dan mengamalkan agama masing-masing. Fakta ini telah memberi jaminan bahawa seseorang warganegara itu berhak melaksanakan pengamalan agama masing-masing. Sementara itu, jika diteliti dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) Nombor 9 Tahun 1995, (1996), Seksyen 20 menjelaskan orang Islam diwajibkan melaksanakan sembahyang lima waktu termasuk Sembahyang Jumaat bagi mereka yang sudah baligh (sudah cukup umur mengikut Hukum Syarak). Ini bermakna setiap orang Islam samada orang lelaki atau wanita yang mencapai umur baligh iaitu 15 tahun ke atas wajib menunaikan solat apabila masuknya waktu solat mereka harus bersegera menunaikannya. Merujuk kepada Seksyen 20 juga, dakwaan boleh dibuat kepada individu yang enggan menunaikan solat, atau mana-mana orang yang melarang atau tidak membenarkan seseorang beragama Islam menunaikan solat secara bertulis pada waktu yang telah ditentukan. Ini penting bagi umat Islam di Selangor bahawa mereka harus tahu hak mereka bebas mengamalkan ajaran Islam tanpa gangguan dari mana-mana pihak.

Menurut Yunus (2015), solat adalah ibadat paling istimewa berbanding dengan ibadat-ibadat lain seperti berzakat atau menunaikan haji ke Baitullah. Ini kerana Rasulullah SAW menerima perintah mengerjakan solat secara terus daripada Allah SWT tanpa perantaraan Malaikat Jibrail iaitu ketika Nabi melalui peristiwa Israk dan Mikraj di *Sidratulmuntaha*. Menurut Mustafa Mashur (1987) dan Ibrahim F., & Cheok, N. (2014), dalam urusan solat Rasulullah SAW tidak pernah berkompromi dengan umatnya dalam kaedah mengerjakan ibadat solat, malah orang yang sakit sekali pun diwajibkan bersolat tanpa kecuali. Nabi SAW amat bertegas berkaitan hukum solat dan mereka yang tidak mahu menunaikannya dianggap melakukan satu jenayah syariah kerana perbuatan tersebut dianggap sebagai meruntuhkan agama Islam.

MASALAH KAJIAN

Jika diteliti isu persepsi pekerja bersolat di tempat kerja dan prestasi pekerja bagi meningkatkan produktiviti sering didedahkan oleh media tepatan. Walaupun isu-isu pekerja bersolat di tempat kerja tidak dilaporkan secara jelas, namun ianya ada kaitan dengan pekerja bersolat di tempat kerja dan prestasi kerja yang melibatkan produktiviti yang dihasilkan. Akhbar *Berita Harian online* bertarikh 1 Ogos 2019, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dilaporkan telah menyiasat satu dakwaan pekerja sebuah kilang tidak membenarkan pekerja Islam

melakukan solat. Gaji mereka akan dipotong sekiranya pekerja mengengkar arahan tersebut. Sementara itu, sebuah kilang di Kapar, Perak melarang pekerja Muslim melakukan solat pada waktu bekerja dengan alasan prestasi kerja merosot dan produktiviti pengeluaran menurun. Menurut Shahrizal Ahmad Zaini (2019), majikan sepatutnya tidak menjadikan amalan solat pekerja Muslim sebagai isu yang remeh atau menafikan hak mereka bersolat. Sebaliknya majikan hendaklah memahami amalan solat bukan sahaja budaya setempat tetapi solat ada hubungannya Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan kebebasan hidup beragama. Hal itu diterjemahkan oleh orang Islam menerusi melakukan solat suatu cara pengabdian dan penghayatan hidup beragama mereka di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk mengetahui persepsi pekerja bersolat waktu kerja ditempat kerja. Kajian juga cuba menganalisis implikasi melaksanakan solat terhadap prestasi pekerja itu sendiri.

KAJIAN LITERATUR

Sejauh manakah umat Islam harus mengetahui kepentingan menjaga solat? Solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah. Solat juga menduduki tempat yang istimewa sehingga tidak dapat ditandingi oleh ibadat lain dalam Islam. Sementara itu, seorang ulama Muhammad Zakariyya (2005) menerangkan terdapat banyak kelebihan orang yang menjaga solat diawal waktu. Antaranya beliau memetik beberapa Hadith tentang solat adalah tiang agama, solat menggugurkan dosa orang mukmin, solat membersihkan dosa, solat sebagai penyelamat ketika dalam kesusahan, solat dapat menebus dosa, solat menyebabkan seseorang itu masuk syurga Allah lebih awal dan jaminan Allah ke atas orang yang menjaga solat awal waktu. Solat merupakan amalan pertama orang Islam yang akan dihitng Allah pada hari akhirat kelak. Disebut dalam sebuah hadith, Nabi SAW bersabda yang bermaksud;

“Amalan pertama yang akan dihisab dari seorang hamba pada hari akhirat kelak adalah solat. Jika baik solat, maka baiklah seluruh amalannya. Sebaliknya jika solat itu rosak, maka rosaklah pula seluruh amalannya.”

(Diriwayatkan oleh al-Tabrani)

Solat merupakan wasiat Nabi SAW kepada umatnya yang wajib dipelihara hingga akhir hayat. Wasiat itu menyebut bahawa orang Islam harus menunaikan solat dalam apa jua situasi walaupun berada dalam kepayahan, kesusahan, kritikal atau sebagainya. Kenyataan ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 238 – 239 yang bermaksud:

Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang Wusta (sembahyang Asar) dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk. Dan jika kamu takut (sesuatu bahaya) maka sembahyanglah sambil berjalan atau berkenderaan, kemudian apabila kamu telah aman sentosa, maka hendaklah kamu mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang secara lebih sempurna), sebagaimana Allah telah mengajar kamu apa yang kamu tidak mengetahuinya.

Berdasarkan maksud ayat 238 – 239 dari surah al-Baqarah di atas, dapat difahamkan bahawa Allah SWT memerintahkan kepada umat Islam supaya menunaikan solat lima waktu pada waktu yang telah ditentukan oleh Allah SWT (Ibnu Kathir, 1992). Kedudukan waktu solat asar amat penting diberi perhatian kerana pada waktu tersebut kebanyakan manusia berada dalam situasi sibuk dengan urusan pekerjaan masing-masing. Menurut Hamdan at. al. (2019), umat Islam harus tahu bahawa solat bertindak sebagai penyelamat ketika manusia berada dalam kesusahan. Manusia tidak terlepas daripada pelbagai kesulitan. Kerana itu, solat wajib dilakukan sebagai mengatasi kesulitan yang dialami itu. Bukan sahaja solat bertindak sebagai penyelamat ketika manusia berada sebarang situasi kesulitan, malahan diwaktu senang pun solat bertindak sebagai jiwa yang tenang. Berdasarkan Hadith diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Daud menceritakan bahawa Huzaifah berkata apabila Nabi SAW mengalami sesuatu kesulitan/kesusahan, Nabi SAW segera menunaikan solat. Ini kerana solat adalah satu rahmat daripada Allah dan bersegera mengerjakan solat ketika umat Islam menghadapi sebarang kesusahan. Rahmat Allah datang sebagai penolong, maka tidak mungkin kesusahan itu akan berterusan lagi. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran Surah Hud ayat 114 bermaksud;

Dan dirikanlah sembahyang (wahai Muhammad, engkau dan umatmu), pada dua bahagian siang (pagi dan petang) dan pada waktu-waktu yang berhampiran dengannya daripada waktu malam. Sesungguhnya amal-amal kebajikan (terutama sembahyang) itu menghapuskan kejahatan. Perintah-perintah Allah yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang-orang yang mahu beringat.

Menurut Muhammad al-Shawkany (1991), beliau menjelaskan terdapat seksaan terhadap orang yang sengaja meninggalkan atau melalaikan solat lima waktu. Antara seksaan dari Allah itu diterima di dunia, ketika hampir menemui kematian, ketika berada di dalam kubur dan ketika berjumpa Allah pada hari kiamat. Orang tidak bersolat akan hilang keberkatan rezekinya. Walau pun seseorang itu kaya raya, namun harta kekayaan menjadi laknat ke atasnya dan mereka tergolong dalam golongan manusia yang *istidraj*. Solat juga bertindak sebagai penyelamat umat manusia mendapat rahmat Allah sepanjang masa. Mereka mengambil wuduk dengan sempurna dan menunaikan solat pada awal waktu merupakan amalan orang soleh. Jiwa orang bersolat juga diberi cahaya iaitu dapat menerangi ketika dalam kegelapan (kesesatan).

Imam Syawkani (2004), berpandangan bahawa orang yang mengingkari kewajipan menunaikan solat lima waktu atau dengan sengaja tidak bersolat kerana malas sebagai berdosa besar. Jawziyyah (1998) berpendapat hukuman bunuh adalah sesuai dilaksanakan kepada pelaku setelah mereka enggan menurut nasihat agar kembali bersolat. Ini kerana orang tidak solat termasuk dalam kategori murtad. Berdasarkan Majlis Agama Islam Selangor (2015), istilah murtad ialah merujuk kepada perbuatan orang meninggalkan agama Islam secara rela hati. Perbuatan murtad boleh terjadi melalui *iktikad* atau kepercayaan, mengeluarkan ucapan atau kata-kata. Murtad boleh juga terjadi melalui perbuatan. Sebagai contoh seseorang mengingkari menunaikan solat lima waktu tanpa alasan syarak yang munasabah. Perbuatan umat Islam meninggalkan solat merupakan suatu amalan keji dalam Islam. Hal ini diterangkan dalam satu Hadith Nabi SAW yang bermaksud:

Tidak dibenarkan jiwa dalam kalangan umat Islam yang mengucap dua kalimah syahadah; bersaksi tiada tuhan yang berhak disembah kecuali Allah SWT aku bersaksi Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Kecuali satu daripada ketiganya itu

melakukan pembunuhan, perempuan janda atau lelaki duda yang berzina dan mereka yang meninggal urusan kewajipan agama serta keluar dari jemaah Islam.
(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Kesan Orang Yang Mengerjakan Solat

Jika dirujuk kepada al-Quran, terdapat ayat-ayat yang menyebut orang bersolat dapat mencegah dirinya daripada melakukan perbuatan keji (*fahsha'*) dan mungkar. Antaranya al-Quran surah al-'Ankabut ayat 45 bermaksud;

Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah kamu daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedah dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

Menurut al-Qurtubi (1993), maksud ayat di atas menjelaskan bahawa solat yang sempurna dapat mencegah seseorang dari melakukan perbuatan keji. Perbuatan keji adalah termasuk dalam kategori dosa besar. Sebagai contoh dosa besar, melakukan persetubuhan haram, berjudi, meramal nasib, membunuh dan minum arak termasuk mengambil dadah. Manakala perbuatan mungkar pula bermaksud melakukan sesuatu yang bertentangan dengan hukum syarak. Sebagai contoh, melakukan penipuan, pecah amanah, mencuri, melakukan kianat, menzalimi orang lain, mengambil rasuah, berpecah belah dan sebagainya. Orang yang bersolat sentiasa menghindarkan diri mereka daripada melakukan semua perbuatan keji dan mungkar.

Di samping itu, peribadi pelaku solat banyak memohon doa kepada Allah SWT supaya diberi pertunjuk jalan yang lurus. Maksud jalan lurus ialah ajaran Islam sebenar berpandukan al-Quran dan hadith. Uadah Mohsin (2008), menjelaskan orang bersolat lima kali sehari semalam mengulangi doanya sebanyak 17 kali agar diperkenankan oleh Allah sebagai hamba yang bertakwa dan dijauhkan daripada segala perbuatan keji dan mungkar. Namun harus diingat bahawa dengan melakukan kerja-kerja keduniaan untuk keperluan hidup merupakan ujian dari Allah kepada hamba-Nya. Ujian tersebut untuk menentukan siapakah di antara mereka yang masih taat dengan perintah Allah iaitu mengerjakan solat. Justeru, orang yang taat mengerjakan solat sentiasa menjauhkan diri mereka daripada melakukan semua perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT.

Bagaimana pula kesan solat dilihat dari aspek kesihatan. Berdasarkan kajian oleh para saintis, terdapat banyak kesan positif terhadap orang yang melakukan solat. Antara saintis yang membuat kajian tentang solat dan hubungannya dengan manusia ialah Wan Abu Bakar Wan Abas (2008). Hasil kajian beliau mendapati otot manusia memerlukan pergerakan, regangan dan senaman setiap hari secara berterusan. Ini kerana otot menjadi lebih kuat apabila selalu digunakan. Aktiviti muslim bersolat membabitkan pergerakan tubuh badan seperti berdiri betul, tunduk dan bongkok untuk rukuk menyamai senaman ringan. Kebanyakan otot serta sendi bergerak ketika berlakunya aktiviti dalam solat. Justeru, umat Islam amat beruntung kerana solat yang wajib dilakukan setiap hari menyamai aktiviti senaman dan regangan memperkuat sistem otot dan fizikal tubuh. Malahan, terapi fizikal jika dilakukan secara berterusan dan betul menghasilkan kesan positif terhadap tubuh badan manusia.

Apakah kesan solat dari aspek komposisi tubuh manusia? Menurut Fatimah Ibrahim (2008), beliau mengkaji solat dari komposisi tubuh manusia. Komposisi tubuh manusia mengandungi empat komponen utama iaitu tisu aktif, tisu tulang, komponen air dan lemak. Model untuk mendapatkan komposisi tubuh terbaik adalah dengan melakukan lima perkara iaitu solat lima kali sehari, memahami maksud bacaan dalam solat, solat berjemaah, rukuk dengan betul (90 darjah) dan melentikkan jari kaki ketika duduk antara sujud dan duduk tahyat akhir. Orang yang tidak melakukan lima perkara ini mempunyai komposisi tubuh yang kurang baik. Demikian juga, kajian mendapati secara keseluruhan orang yang solat berjemaah mempunyai kesihatan lebih baik berbanding orang yang bersolat secara sendirian. Ini kerana orang solat secara berjemaah akan bersentuh bahu ke bahu. Tubuh manusia seperti sebuah bateri. Ketika bersolat, cas tubuh manusia mengalir seperti dalam litar dan akhirnya meneutralkan cas tubuh. Oleh itu, orang yang solat berjemaah mempunyai badan bertenaga dan lebih tenang berbanding orang tidak solat berjemaah.

Bagaimana pula kedudukan tubuh (*posture*) orang bersolat dan hubungannya dengan pelbagai penyakit? Terdapat banyak hikmah tersembunyi kesan solat. Antaranya solat dapat mengubati sakit pinggang. Para doktor menyarankan kepada pesakit supaya melakukan senaman seperti berdiri dan membongkokkan tubuh yang menyamai gerakan solat. Fatimah Ibrahim (2008) menjelaskan keputusan positif dibuat berdasarkan ukuran saintifik dengan meletakkan beberapa sensor (pengesan) di tulang belakang pesakit bertujuan untuk melihat isyarat otot berfungsi. Hasil kajian terhadap pesakit yang mengikuti terapi solat selama sebulan iaitu dengan membuat rukuk 90 darjah mendapati sakit pinggang berkurangan. Keputusan kajian Fatimah Ibrahim (2008) menunjukkan kaedah terapi solat boleh digunakan untuk merawat sakit pinggang peringkat awal. Melalui terapi solat juga sesuai untuk wanita normal dan wanita mengandung dengan melakukan senaman sama seperti gerakan dalam solat.

Menurut Hamdan, Mokhtar, dan Imas (2019), solat dapat melancarkan aliran darah terhadap alat kemaluan lelaki yang mempunyai masalah mati pucuk iaitu satu penyakit yang ditakuti oleh kaum lelaki. Lazimnya lelaki normal mempunyai kemampuan daya seksual dengan penegangan sebanyak tiga kali ketika tidur atau volum dan ketika melakukan aktiviti seksual dengan pasangannya mencapai ketegangan sebanyak 200 peratus. Kajian yang dilakukan ke atas lelaki mati pucuk dengan mengukur zakar (pesakit diajar melakukan urut zakar secara sendiri) menunjukkan pada bulan pertama, tiada ketegangan langsung, tetapi selepas melakukan terapi selama dua bulan iaitu dengan melakukan solat tambahan, sudah ada ketegangan dan volum mencapai tahap normal. Jelas bahawa melalui aktiviti solat lima waktu dan solat sunat dapat bertindak sebagai mengatasi masalah penyakit mati pucuk yang kebanyakan dialami oleh kaum lelaki.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Berdasarkan cadangan Azizi Yahaya (2017), kaedah soal selidik melibatkan responden yang ramai dan dapatan mudah dicapai. Kumpulan sasar kajian terdiri daripada pekerja kilang, pekerja pasaraya, pekerja premis makanan segera dan pekerja stesen pam minyak. Mereka dipilih secara rambang bagi mewakili pekerja sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan. Mencakupi pekerja lelaki dan wanita, berumur 18 tahun hingga berumur 55 tahun ke atas. Kajian dianalisis menggunakan kaedah induktif ke deduktif. Alat bantu perisian SPSS (*Version 2.3*) turut digunakan bagi menganalisis data mentah.

Kawasan Kajian

Perbincangan tentang skop batasan kajian ini amat penting dijelaskan di sini kerana pecahan kawasan kajian menunjukkan taburan bagi seluruh Negeri Selangor. Skop kawasan kajian ini melibatkan sembilan daerah di Selangor seperti dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Lokasi Kajian

Bil.	Daerah	Jumlah Responden
1.	Sabak Bernam	39 orang
2.	Klang	185 orang
3.	Kuala Langat	126 orang
4.	Sepang	225 orang
5.	Hulu Langat	239 orang
6.	Hulu Selangor	213 orang
7.	Kuala Selangor	137 orang
8.	Petaling	492 orang
9.	Gombak	344 orang
	Jumlah	2000

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Persepsi amalan solat menjadikan pekerja berdisiplin, menghargai masa dan minima penyeliaan

Hubungan antara disiplin, menghargai masa solat dan kaitannya dengan solat adalah sangat rapat kerana semuanya datang dari Allah SWT. Oleh itu, orang yang menunaikan solat memiliki disiplin yang tinggi serta tidak membuang waktu dengan sia-sia. Mereka juga beramanah dan sikap ini penting dipraktikkan bagi pekerja industri kerana mereka mampu berada ditahap penyeliaan minima. Berikut dinyatakan maklumbalas daripada responden.

Jadual 2: Persepsi amalan solat menjadikan pekerja berdisiplin, menghargai masa dan minima penyeliaan

Pandangan responden	Kekerapan	Peratus %
Sangat tidak setuju	12	.6
Sederhana setuju	99	5.0
Tidak pasti	174	8.7
Setuju	919	46.0
Sangat setuju	796	39.8
Jumlah keseluruhan	2000	100.00

Jadual 2 menunjukkan maklumbalas mengenai pekerja bersolat mempunyai disiplin yang tinggi, menghargai masa di tempat kerja dengan berbuat sesuatu yang menguntungkan diri sendiri dan syarikat serta minima penyeliaan terhadap pekerja. Kajian mendapati sebanyak 919 orang (46.0%) mengatakan setuju, diikuti oleh 796 orang (39.8%) mengatakan sangat setuju. Sementara itu sebanyak 174 orang (10.4%) mengatakan tidak pasti, 99 orang (5.0%) mengatakan sederhana setuju dan 12 orang (.6%) mengatakan sangat tidak setuju. Secara keseluruhan responden mengatakan sangat setuju bahawa solat menjadikan pekerja

berdisiplin, menghargai masa dan minima penyeliaan terhadap pekerja berbanding 12 orang (.6%) yang mengatakan tidak setuju.

Menurut Arif Mohamad (2014) orang bersolat mempunyai disiplin yang tinggi tetapi tidak semua orang bersolat menghargai masa di tempat kerja dengan berbuat sesuatu yang menguntungkan diri sendiri dan syarikat serta minima penyeliaan terhadap pekerja. Ini kerana penghayatan terhadap menghargai kepentingan waktu masih lagi berada di tahap yang kurang memuaskan. Justeru, jika dibandingkan pekerja Islam dengan pekerja bukan Islam di negara Jepun misalnya, didapati orang Jepun lebih menghargai masa. Pekerja Jepun berbuat sesuatu yang boleh menguntungkan diri sendiri dan syarikat serta minima penyeliaan terhadap pekerja. Orang Islam patut mencontohi orang Jepun dalam konteks menghargai waktu dan minima penyeliaan di tempat kerja.

Berdasarkan Mohd Subki Abd Rahman (2011) ibadah solat berjemaah mampu membentuk para pekerja agar lebih berdisiplin, patuh kepada ketua terutamanya dalam soal pengurusan masa. Seluruh umat Islam sepatutnya membahagi-bahagikan masa mereka antara keperluan urusan duniawi dan ukhrawi bertujuan untuk menggunakan waktu sebaik mungkin dalam kehidupan seharian. Menurut Yunus, M. A. (2015) mereka dituntut agar lebih peka bagi memastikan ibadah solat dapat disempurnakan pada waktu yang ditentukan dan pada waktu yang sama mereka tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai pekerja. Mereka akan dipandang oleh majikan khususnya dan hal ini perlu diberi perhatian oleh semua orang.

Menurut Zulaiha Ahmad Tajuddin dan Abdul Munir Ismail (2019) menjelaskan pekerja dibenarkan melaksanakan solat di surau yang telah disediakan. Pekerja hendaklah mengamalkan disiplin yang tinggi ketika bekerja dan diluar waktu bekerja. Mereka juga diingatkan dari semasa ke semasa supaya menghargai masa dengan tidak mensia-siakan waktu. Waktu terluang semasa di tempat kerja dimanfaatkan dengan aktiviti berfaedah seperti solat berjemaah, membaca buku dan perbincangan bersama kawan-kawan tentang sesuatu yang berfaedah.

Persepsi amalan solat meningkatkan motivasi pekerja

Bekerja bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan di dunia merupakan amal soleh dan perbuatan tersebut dituntut dalam Islam. Allah SWT tidak mensia-siakan orang yang bekerja bersungguh-sungguh dalam apa bidang yang diceburinya. Bekerja bersungguh-sungguh bagi meningkatkan pengeluaran produktiviti syarikat merupakan amalan soleh bagi orang Islam. Mereka tidak boleh cuai dalam pekerjaan seperti malas, kerana sikap tersebut merugikan pengeluaran syarikat. Oleh itu, pekerja mesti bersungguh-sungguh bagi meningkatkan kemahiran dibidang yang diceburi. Orang bersolat membuktikan kesungguhan bekerja keras bagi memenuhi keperluan diri dan keuntungan syarikat. Bagi menunjukkan pendapat responden mengenai sejauh mana amalan solat meningkatkan motivasi supaya bekerja keras di bidang yang diceburi. Jadual 3 di bawah menerangkan sebagai berikut;

Jadual 3: Persepsi amalan solat meningkatkan motivasi pekerja

Pandangan responden	Kekerapan	Peratus %
Sangat tidak setuju	16	.8
Sederhana setuju	21	1.1
Tidak pasti	141	7.1
Setuju	510	25.5

Sangat setuju	1312	65.6
Jumlah keseluruhan	2000	100.00

Jadual 3 menunjukkan maklumbalas mengenai sifat-sifat orang bersolat mempunyai kesungguhan dalam bidang yang diceburi di tempat kerja. Kajian mendapati majoriti responden mengatakan sangat setuju bahawa orang bersolat mempunyai kesungguhan bekerja dalam bidang yang diceburi di tempat kerja. Diikuti oleh responden yang mengatakan setuju sebanyak 292 orang (26.6%). Tidak pasti mencatatkan sebanyak 22 orang (2.0%), sangat tidak setuju dan sederhana setuju masing-masing mencatatkan 11 orang (1.0%) dan 9 orang (.8%). Secara keseluruhan, majoriti responden mengatakan sangat setuju bahawa solat dapat memberi semangat positif untuk para pekerja meningkatkan daya pengeluaran dalam sesuatu syarikat. Berdasarkan kajian Syed Mohammad Hilmi (2017), beliau tidak setuju bahawa orang bersolat tiada jaminan untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh dan termasuk dalam aktiviti kejahatan. Menurut Abdul Rashid Ahmad (1995), terdapat banyak pekerja yang bersolat tetapi masih tidak menghayati sifat-sifat solat yang sebenar seperti bersungguh-sungguh dalam bekerja, ingin maju bersama-sama orang yang berjaya dan sebagainya.

Persepsi amalan solat mencegah pekerja pecah amanah, menghindari perbuatan maksiat dan patuh peraturan semasa

Sepertimana yang dijelaskan bahawa konsep solat dapat mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan maksiat, pecah amanah atau sesuatu perkara yang menyalahi peraturan. Maklum balas mengenai sifat-sifat ini dinyatakan oleh responden sebagai berikut;

Jadual 4: Persepsi amalan solat mencegah pekerja pecah amanah, menghindari maksiat dan patuh peraturan semasa

Pandangan responden	Kekerapan	Peratus %
Sangat tidak setuju	32	1.6
Sederhana setuju	32	1.6
Tidak pasti	81	4.1
Setuju	385	19.3
Sangat setuju	1470	73.5
Jumlah keseluruhan	2000	100.00

Jadual 4 menunjukkan maklumbalas mengenai implikasi positif melalui aktiviti solat di tempat kerja dilihat dapat mencegah seseorang pekerja daripada melakukan perbuatan salah laku seperti pecah amanah, menghindari perbuatan maksiat seperti zina, arak & dadah serta mereka patuh kepada peraturan semasa. Kajian mendapati bahawa majoriti responden mengatakan sangat setuju iaitu mencatatkan sebanyak 1470 orang (73.5%) aktiviti solat lima waktu di tempat kerja dapat mencegah pekerja daripada melakukan pecah amanah, menghindari perbuatan maksiat dan patuh kepada peraturan semasa. Diikuti oleh responden mengatakan setuju sebanyak 385 orang (19.3%). Responden mengatakan tidak pasti mencatatkan sebanyak 81 orang (4.1%). Manakala responden mengatakan sederhana setuju dan sangat tidak setuju masing-masing mencatatkan sebanyak 32 orang (1.6%). Secara keseluruhan responden mengatakan solat dapat mencegah perbuatan maksiat di tempat kerja sebanyak 73.5 peratus. Penyelidik menegaskan bahawa aktiviti solat di tempat kerja dapat mencegah seseorang melakukan perbuatan salah laku seperti pecah amanah, menghindari

perbuatan maksiat seperti berzina, minum arak & mengambil dadah dan patuh kepada peraturan semasa.

Menurut Afzainizan (2017) orang yang melakukan solat lima waktu lazimnya mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi berbanding orang tidak konsisten dalam solatnya atau tidak bersolat. Ini kerana solat melahirkan manusia yang berkualiti, patuh kepada peraturan semasa dan mempunyai jatidiri yang teguh. Mereka sama sekali tidak terpengaruh untuk melakukan aktiviti yang tidak sihat seperti pecah amanah, melakukan maksiat dan sebagainya kerana semua perbuatan tersebut dilarang oleh Allah. Menurut Suhaila Nadzri et al (2018), ibadah solat yang dikerjakan dengan ikhlas, penuh khushyuk dan tawaduk mewujudkan sebuah benteng yang dapat mencegah seseorang daripada terjebak dalam perbuatan dosa dan maksiat.

Menurut Al-edenat dan Alhawamdeh (2018), beliau bersetuju pekerja yang menjaga solat tidak mengambil rasuah kerana amalan itu merosakkan diri dan maruah keluarga. Pekerja juga tidak mencuri masa atau melakukan perbuatan yang boleh merugikan produktiviti syarikat tempat dia bekerja. Beliau selanjutnya menjelaskan bahawa sifat-sifat amalan dalam solat yang sempurna seperti menepati waktu dalam semua pekerjaan, menjaga kebersihan diri, pakaian, alam sekitar mencakupi amalan zahir dan batin, menjauhi perbuatan maksiat dan patuh kepada arahan majikan hendaklah dipraktikkan oleh pekerja kilang. Dalam istilah yang mudah difahami ialah amalan murni diterjemahkan melalui perbuatan baik mereka harian. Menurut Amran Kasimin (1991), pekerja yang menjaga solat mereka sentiasa diingatkan terdapat malaikat yang ditugaskan untuk mencatatkan amalan baik atau amalan buruk. Oleh itu, mereka berhati-hati agar tidak melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang.

Persepsi amalan solat mendidik pekerja mengutamakan produktiviti dan berdaya maju

Tidak dinafikan bahawa solat mendidik pekerja supaya menjaga amanah dengan baik, mengutamakan produktiviti dan mempunyai kesungguhan dalam pekerjaan. Semua amalan jatidiri ini dituntut oleh syarak untuk diamalkan. Sifat-sifat terpuji ini dapat dibentuk melalui mengerjakan solat lima waktu. Oleh itu, orang bersolat tidak akan melakukan perbuatan kianat, korupsi dan malas dalam pekerjaan kerana perbuatan tersebut tidak baik disisi etika seorang muslim. Malahan semua perbuatan tersebut membawa kepada kemurkaan Allah dan akan dibalas dengan neraka. Maklum balas daripada responden berkaitan sifat-sifat ini dinyatakan sebagai berikut;

Jadual 5: Persepsi amalan solat mendidik pekerja mengutamakan produktiviti dan berdaya maju

Pandangan responden	Kekerapan	Peratus %
Sangat tidak setuju	42	2.1
Sederhana setuju	76	3.8
Tidak pasti	264	13.2
Setuju	901	45.1
Sangat setuju	717	35.9
Jumlah keseluruhan	2000	100.00

Jadual 5 menunjukkan maklumbalas responden mengenai kesan solat mendidik pekerja mengutamakan produktiviti dan berdaya maju di tempat kerja. Kajian mendapati sebanyak 901 orang (45.1%) mengatakan setuju, diikuti oleh sangat setuju mencatatkan sebanyak 717

orang (35.9%). Responden mengatakan tidak pasti mencatatkan sebanyak 264 orang (13.2%). Sederhana setuju dan sangat tidak setuju masing-masing mencatatkan sebanyak 76 orang (3.8%) dan 42 orang (2.1%). Secara keseluruhan responden mengatakan setuju solat mendidik pekerja mengutamakan produktiviti dan berdaya maju dalam pekerjaan adalah tertinggi (45.1%) berbanding responden yang mengatakan sangat tidak setuju iaitu 2.1%. Solat merupakan tiang agama dan agama Islam tidak dapat berdiri kukuh tanpa ketiadaan orang Islam mendirikan solat sehari semalam lima waktu. Disebut dalam sebuah hadith, Nabi SAW bersabda bermaksud;

“Asas dalam agama Islam dimana tiangnya ialah solat dan puncaknya ialah berjihad di jalan Allah.”Islam itu dibina dan ditegakkan diatas lima dasar (lima rukun), iaitu mengucap dua kalimah syahadah (dengan meyakini serta menerangkan kebenaran) bahawa sesungguhnya tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bersaksi bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan mengerjakan haji ke Baitullah.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan kepada pembaca bahawa umat Islam harus bekerja sebagai memenuhi keperluan hidup. Tuntutan mendapatkan rezeki halal adalah suatu kewajipan. Amalan melaksanakan orang Islam yang melaksanakan solat pada waktu bekerja bukanlah suatu isu kecil tetapi merupakan isu nasional kerana melibatkan kepercayaan sesuatu bangsa dan perundangan yang sah di sisi perlembagaan. Ini kerana melibatkan hak kebebasan beragama bagi seseorang Muslim untuk mengamalkan agama berdasarkan keyakinan masing-masing. Isu melaksanakan solat di tempat kerja dapat mewujudkan toleransi beragama dan majikan hendaklah saling hormat menghormati antara satu sama lain. Hasil kajian merumuskan solat di tempat kerja menjadikan pekerja berdisiplin, menghargai masa dan minima penyeliaan berjumlah 919 (46.0%). Solat sebagai motivasi supaya bekerja keras berjumlah 1312 (65.6%). Solat mencegah pekerja pecah amanah, menghindari perbuatan maksiat dan patuh peraturan semasa berjumlah 1470 (73.5%). Solat mendidik pekerja mengutamakan produktiviti dan kesungguhan dalam pekerjaan berjumlah 901 (45.1%). Ini membuktikan persepsi pekerja bersolat di tempat kerja sebagai mengurangkan daya pengeluaran syarikat adalah tidak benar. Sebaliknya prestasi pekerja dan pengeluaran produk terus meningkat.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan JAIS kerana telah memberi dana dan menyokong kajian ini dilaksanakan dengan jayanya.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. cetakan ke 12. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Abdullah Basmeih. (2012). *Al-Quran Al-Karim: Mushaf Tajwid Beserta Terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia dan Terjemahan Per-Kata*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abu 'Abdullah Muhammad Ibn Abi al-Hassan Ismail Ibn Ibrahim Ibn al-Mughairat Ibn al-Ahnaf Yazibat al-Ja'f al-Bukhari. (1981). *Sahih al-Bukhari*. Juzuk 1. Istanbul: t.tp.
- Afzainizan, F. (2017, February). *Rahsia Kebaikan Solat Dari Perspektif Sains dan Al-Quran*. Retrieved from <https://www.kck.usm.my/index.php/arkib-berita/132-rahsia-kebaikan-solat-dari-perspektif-sains-dan-al-quran>.
- Al-edenat, M., Alhawamdeh, N. (2018). The mediating effect of employee's loyalty in the relationship between empowerment and employees' performance: A case from Jordanian SMEs, *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences* 8 (4), 90-100.
- Al-Tirmidzi. (2016). *Al-Iman, Bab Ma Ja'a fi Hurmah al-Solah* (Bab Kemuliaan Solat), jilid 5.
- Al-Tirmidzi, Abu 'Isa Muhammad 'Isa bin Saurah (t. t). *Jami' al-Tirmidzi*. Arab Saudi: Bait al-Afkar al-Dauliyyah.
- Abdul Rashid Ahmad. (1995). Aspek-aspek Pendidikan dalam Solat. *Jurnal Usuluddin*. 2, 20-30.
- Arif Mohamad. (2014). *Rahsia Sujud Sebagai Terapi Kesihatan*. Batu Caves: Selangor.
- Afzainizan, F. (2017, February). *Rahsia Kebaikan Solat Dari Perspektif Sains dan Al-Quran*. Retrieved from <https://www.kck.usm.my/index.php/arkib-berita/132-rahsia-kebaikan-solat-dari-perspektif-sains-dan-al-quran>.
- Al-Dihlawi, Ahmad b. 'Abdul Rahim Shah Wali Allah. (1999). *Hujjah Allah al-Balighah*. Tahqiq Syeikh Muhammad Syarif Sukkar. Cetakan ke 3. Beirut: Dar Ihya'al-'Ulum.
- Amran Kasimin. (1991). *Taqarrub Amalan Menghampirkan Diri Pada Ilahi*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers.
- Azizi Yahaya. (2017). *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Al-Bukhari al-Ju'fi, Hafidz Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin al-Bardazbah. (2001). *Sahih Bukhari*. Juzuk 1. Kaherah: Dar al-Manar.
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) Nombor 9 Tahun 1995. (1996), Jabatan Agama Islam Selangor.
- Fatimah Ibrahim. (2008). *Solat: Kebaikan dari Perspektif Sains*. Kuala Lumpur: Bio Engineering Salat Project, Department of Biomedical Engineering, Faculty of Engineering, Universiti Malaya.
- Hamdan, S. S. B., Mokhtar, W. K. A. W., Imas, M. M. (2019). Prayer and Science (Research on the Main Prayer Movement). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(11), 607-614.
- Haron Din, Dr. (2003). *Manusia dan Islam*. Edisi Kelima. Selangor: Hizbi Sdn. Bhd.
- Hasna Bidin. (2016). Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Negeri Johor. Tesis Sarjana. Skudai: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibnu Kathir, Al-Hafiz 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il. (1992). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Beirut: Maktabah al-Nur al-'Ilmiyyah.
- Ibrahim, F., & Cheok, N. (2014). *Solat Sebagai Terapi Minda*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Jawziyyah, Imam Syamsuddin Muhammad Abi Bakr Ibn al-Qayyim (1998). *Al-Solah wa Hukmu Tarikuha*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Laura J. Berger, Caroline Essers & Abdelmajid Himi (2017). Muslim employees within 'white' organizations: the case of Moroccan workers in the Netherlands, *The International Journal of Human Resource Management*. 28(8), 1119-1139.
- Majlis Agama Islam Selangor (2015). *Hudud Satu Penjelasan*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
- Mohd Subki Abd Rahman. (2011). *Solat Berjemaah Asas Kekuatan Peribadi, Masyarakat dan Ummah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Mohd. Hashim Yahaya. (2011). *Ensiklopedia Solat*. Kuala Lumpur: Terbitan Telaga Biru.
- Mubarkafuri, al-Hafidz Abi al-U'la Muhammad 'Abd al-Rahman ibn 'Abd al-Rahim (2001). *Tuhfah al-Ahwazi bi Syarh Jami' al-Tirmidzi*. Juzuk 2. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Mustakim Mohamed Noh, Siti Arni Basir & Wan Norhasniah Wan Husin (2014). Strategi dan Faktor Mempengaruhi Perlaksanaan Etika Kerja Islam (EKI): Kajian Kes di JCorp. *Jurnal Gjat*. 4(1), 97-111.
- Muhammad Zakariyya. (2005). *Fadilat Solat*. Terjemahan Lujnah Madrasah Miftahul 'Ulum, Sri Petaling: Era Ilmu Sdn. Bhd.
- Muslim, Abi al-Husayn al-Hajjaj al-Qusyari al-Naysaburi. (2003). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustafa Mashur. (1987). *Al-Hayat Mihrab al-Solat*. Kaherah: Dar al-Tauzi` Wa Al-Nasr al-Islamiyah.
- Nawawi, Imam Abi Zakariyya. (1994). *Syarah Sahih Muslim (Terjemahan)*. Pentahqiq: 'Isham Al-Shababithi *et. al.* juzuk 2. Jakarta: Dar al-Mustaqim.
- Noraini Junohi & Nor Asmira Mat Jusoh. (2018). Falsafah Ibadat Solat Berdasarkan Al-Sunnah: Analisis Pandangan Shah Wali Allah Al-Dihlawi. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa: Edisi Khas*, 139-154.
- Norazah Abd Aziz. (2011). Kaedah Menangani Stress dengan Solat. *Journal of Islamic and Arabic Education*. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 3 (2), 1-10.
- Noraida Harun & Jady@ Zaidi Hassim. (2017). Rasuah Dalam Pentadbiran Tanah: Penyelesaian Menurut Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 15 (7), 40-53.
- Al-Qurtubi, Abi Abdillah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari (1993). *Jami' Li Ahkam al-Quran*. juzuk 4. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qusyairi al-Naisaburi, Abu Muslim ibn al-Hujjaj (1995). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sajastani al-Azdi, Hafidz Abi Daud Sulaiman Ibn Asy'as (1995). *Sunan Abi Daud*. Beirut: Maktabah al-Asriyah.
- Shahrizal Ahmad Zaini. (2019). Solat di tempat kerja: Majikan, pekerja perlu tolak ansur. *Sinar Harian*. 1 Ogos 2019, Edisi Perak.
- Siti Suhailah Binti Hamdan, Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar & Mohd Mustaffami Imas. (2019). Prayer and Science (Research on the Main Prayer Movement). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9 (11), 607-614.
- Sri Jumini & Chakimatul Munawaroh. (2018). Analisis Vektor Dalam Gerakan Solat Terhadap Kesihatan. *Jurnal Kajian Pendidikan Sains*. 4 (2), 70-88.
- Suhaila Nadzri, Suhaily Md Shamsudin, Siti Syuhada Abd Rahman, Ahmad A'toa' Mokhtar, Azri Rizal Md Razali. (2018). Isu-Isu Pengabaian Solat Dalam Kalangan Remaja Di Negeri Selangor. Dalam Prosiding E-Book of Masjid, Zakat And Waqf Management, 4th December 2018, Bangi, Selangor.
- Al-Syawkani, Imam al-Mujtahid al-Allamah Muhammad bin Ali (2004). *Nail al-Author*. Jilid 1, cetakan ke 3. Beirut: Dar al-Kutub Ilmiah.

- Syed Mohammad Hilmi. (2017). Tazkiyah al-Nafs Menurut Ahli Tasawuf. *Jurnal Qalbu*. 1(5), 12-20.
- Udah Mohsin. (2008). *Mari Kita Sembahyang Sebelum Kita di Sembahyangkan*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Wan Abu Bakar Wan Abas. (2008). *Solat: Kebaikan dari Perspektif Sains*. Kuala Lumpur: Bio Engineering Salat Project, Department of Biomedical Engineering: Faculty of Engineering, Universiti Malaya.
- Yunus, M. A. (2015). *Ada Apa Dengan Solat*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zulaiha Ahmad Tajuddin & Abdul Munir Ismail. (2019). Pelaksanaan Program Dakwah Dalam Kalangan Pekerja Industri Kecil Sederhana (IKS), *Borneo International Journal*. 1 (3),12-18.

BERKAITAN PENULIS

Nama: Abdul Munir Bin Ismail
Pekerjaan: Pensyarah
Fakulti: Fakulti Sains Kemanusiaan
Majikan: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Email: abdmunir@fsk.upsi.edu.my

Nama: Muhammad AR
Pekerjaan: Pensyarah
Fakulti: Fakulti Pendidikan
Majikan: Universiti Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry, Banda Aceh
Email: emha elrahman gso5324@yahoo.com